

06/03/1999

JPM, pakar ekonomi Islam berbincang

SIK, Jumaat - Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan berbincang dengan pakar ekonomi Islam bagi mengemukakan pandangan berhubung kajian semula kerangka kewangan antarabangsa untuk diteliti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perbincangan berkenaan akan mengetengahkan teori ekonomi Islam yang mampu diterapkan dalam kajian terbabit, sekali gus menjamin keadilan manusia sejagat.

Menterinya, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata perbincangan itu berdasarkan kaedah bekerja Perdana Menteri yang bersikap terbuka dan sedia meneliti pendapat pelbagai pihak sebelum melaksanakan sesuatu tugas yang dianggap besar.

Menurutnya, perbincangan terbabit akan diadakan tidak lama lagi dengan tumpuan untuk menyediakan sistem kewangan Islam yang mampu membantu menghasilkan kerangka kewangan antarabangsa yang lebih adil.

"Perdana Menteri kalau ada isu besar selalu berunding dengan banyak pihak termasuk pakar agama dan pakar ekonomi Islam ... keistimewaan Dr Mahathir ialah beliau suka mendengar idea dan pendapat orang.

"Kaedah yang kita gunakan adalah secara berhikmah. Kita tidak cerita ini (sistem kewangan Islam) sebagai agama tetapi kita kata ini sistem sebagai alternatif yang lebih adil kepada sistem kewangan sedia ada," katanya selepas merasmikan secara serentak mesyuarat agung Umno cawangan dalam Parlimen Sik, di sini petang semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas jemputan Presiden Peranchis, Jacques Chirac kepada Dr Mahathir untuk menyertai sidang khas lapan ketua kerajaan di negara itu, akhir tahun ini bagi mengkaji semula kerangka kewangan antarabangsa.

Ia adalah susulan perbincangan antara Chirac dengan Dr Mahathir di Paris bulan lalu selepas Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan Negara-negara Membangun (G15) di Jamaica.

Peranchis bercadang menjadi tuan rumah sidang kemuncak lapan negara sebagai rangka formula untuk mewujudkan sebuah kerangka kewangan antarabangsa.

Abdul Hamid berkata, perjuangan Islam secara berhikmah melalui penyediaan sistem ekonomi yang adil adalah lebih praktikal berbanding perjuangan dengan melaungkan slogan negara Islam tetapi tidak mampu membantu pembangunan ummah.

"Perjuangan Islam seperti ini lebih bermakna daripada kita menjerit mengatakan kita Islam.

"Macam Bank Islam, kita tak kata ini agama tetapi kita kata ini sistem kewangan yang lebih adil hingga sekarang ini kebanyakan penyimpan wang dalam bank itu adalah orang bukan Islam," katanya.

(END)